



---

## **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PPP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**8 SEPTEMBER 2022 (KHAMIS)**



---

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
(KPDNHEP)**

---

---

**8 SEPTEMBER 2022 (KHAMIS)**

# Bekalan sayur hanya susut 10 peratus

## Kekurangan kerana cuaca, permintaan merosot

Oleh Mahani Ishak  
mahani@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengesahkan tiada berlaku kekurangan bekalan sayur dalam negara pada masa ini, berdasarkan maklumat daripada Persekutuan Persatuan Pekebun-Pekebun Sayur Malaysia, Chay Ee Mong dilaporkan berkata, selain produktiviti berkurang, cuaca yang sukar diramal turut menjelaskan mutu tanaman.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata persatuan itu bagaimanapun memaklumkan terdapat kemerosotan bekalan sayur, tetapi hanya berada pada tahap 10 peratus.

"Pada masa ini kekurangan bekalan sayuran hanya sekitar 10 peratus sahaja. Ini adalah disebabkan oleh cuaca hujan dan kemerosotan permintaan sekitar bulan lalu.

Bagaimanapun, pengurangan 10 peratus ini adalah pada paras pusingan normal. Secara umumnya, tidak berlaku kekurangan bekalan sayur di dalam negara pada masa ini," katanya kepada *BH*, semalam.

Sebelum ini media melaporkan akibat ketidaktentuan cuaca yang ketara menyebabkan kebanyakan pekebun di Cameron Highlands kehilangan 30 hingga 40 peratus

hasil pendapatan.

### Cuaca sukar diramal jejas mutu tanaman

Setiausaha Agung Persekutuan Persatuan Pekebun-Pekebun Sayur Malaysia, Chay Ee Mong dilaporkan berkata, selain produktiviti berkurang, cuaca yang sukar diramal turut menjelaskan mutu tanaman.

Sejak 22 Ogos sehingga kini, Alexander berkata, hanya lima aduan berkaitan harga sayur diterima dan pihaknya tidak menerima aduan mengenai ketidaaan bekalan bahan terbatit.

"KPDNHEP menyambut baik sebarang maklum balas yang diberikan oleh mana-mana pihak berkaitan isu ini. Tindakan proaktif turut diambil bagi menangani sebarang isu yang membabitkan peniaga dan pengguna.

"Ini bagi melihat dan mendapatkan maklumat yang lebih jelas berkaitan masalah yang disuarakan," katanya.

Dalam pada itu, beliau meminta semua pihak tidak melakukan sebarang spekulasi, tetapi sebaliknya mendapatkan maklumat yang tepat berhubung isu berkenaan.

"Ini bagi mengelak tercetusnya suasana panik dalam kalangan pengguna dan seterusnya mendorong kenaikan harga yang tidak wajar di pasaran," katanya.

Sementara itu, mengenai

kemungkinan harga sayur-sayuran naik berikutan hujan berterusan, beliau menjelaskan, harga sayur ditentukan faktor perlawaran dan permintaan.

"Sayur yang dipengaruhi faktor cuaca seperti sayuran berdaun mungkin akan mengalami perubahan harga sekiranya berlaku hujan yang berterusan.

"Bagaimanapun, bekalan sayur import yang lain mampu menampung kekurangan ini sekiranya berlaku kekurangan bekalan sayur tempatan," katanya.

Beliau berkata, KPDNHEP akan terus melaksanakan pemantauan, selain akan bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bagi memperkuatkhan bekalan sayur dalam negara.

"KPDNHEP akan mengambil tindakan tegas mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 terhadap mana-mana pihak yang cuba memanipulasi harga bahan terbatit ini.

"Peniaga boleh dikenakan denda sehingga RM500,000 bagi syarikat dan sehingga RM100,000 bagi individu sekiranya disabitkan kesalahan mencatut," katanya.

Katanya, menjadi keutamaan KPDNHEP bagi memastikan harga sayur berada pada satu kadar yang munasabah dengan jaminan bekalan hasil kerjasama dengan agensi lain.



## Penganggur didenda RM10,000 jual, kongsi filem cetak rompak di Telegram

**SEREMBAN:** Padah menjual dan berkongsi filem cetak rompak menerusi aplikasi Telegram, seorang penganggur dikenakan hukuman denda sebanyak RM10,000 oleh Mahkamah Sesyen Seremban, semalam.

Hukuman tersebut dijatuhkan Hakim Diana Md. Razali kepada Ahmad Fairuzaman Ahmad Bolia, 46, selaku Orang Kena Saman (OKS), selepas lelaki itu

mengaku salah atas pertuduhan yang dikenakan terhadapnya di bawah Akta Hak Cipta 1987.

Berdasarkan pertuduhan kes, bapa kepada tiga anak itu didapati dengan cara dagangan mempamer kepada awam lima salinan langgaran karya filem melalui aplikasi Telegram, Ahmad Faibers.

Ia ditunjukkan dalam bentuk bergerak termasuk bunyi

bagi lima filem hak milik sebuah syarikat penyiaran tatkala hak cipta wujud dan masih wujud bagi syarikat itu.

Kesalahan itu didakwa dilakukan OKS di sebuah rumah di Taman Desa Melor, di sini, pada pukul 10 malam, 18 Mac 2021.

Oleh itu, Ahmad Fairuzaman didapati melakukan kesalahan di bawah Seksyen 41(1)(e) Akta Hak Cipta 1987 (Akta 332) dan boleh

dihukum di bawah Seksyen 4(1)(i) akta yang sama iaitu denda tidak kurang daripada RM2,000 dan tidak lebih daripada RM20,000 bagi setiap langgaran.

Dia juga boleh dipenjara bagi suatu tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan oleh Pegawai Pendakwa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri

dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Azmil Aspara yang kemudian memohon hukuman sewajarnya dikenakan terhadap OKS.

Menurut Azmil, perbuatan OKS dalam kes itu tidak bertanggungjawab dan sekiranya dibenarkan boleh menyebabkan kerugian yang besar kepada pemilik hak cipta itu dan menjadikan industri perfileman di negara ini.

Oleh Ahmad Hasbi  
am@hmetro.com.my

**Seremban**

**S**orang penganggur mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen Seremban, semalam atas pertuduhan melakukan cetak rompak melalui aplikasi Telegram bagi lima filem hak milik sebuah syarikat penyiaran pada Mac tahun lalu.

Ahmad Fairuzaman Ahmad Bolia, 46, membuat pengakuan itu di hadapan Hanim Diana Md Razali selepas pertuduhan dibacakan juruhasa.

Mengikut pertuduhan, dia didapati dengan cara da-gangan memipamerkan kepada awam lima salinan langgaran karya filem melalui aplikasi Telegram Ahmad Faibers yang ditunjukkan dalam bentuk bergerak termasuk bunyi bagi lima filem hak milik sebuah syarikat penyiaran ketika hak cipta masih wujud bagi syarikat itu.

Kesalahan dilakukan di sebuah rumah di Jalan Desa Melor 4, Taman Desa Melor di sini, pada jam 10 malam



**“Pemilik hak cipta keluar belanja besar bagi industri ini”**  
Pegawai Pendakwa KPDNHEP

AHMAD Fairuzaman dibawa ke Mahkamah Sesyen Seremban atas pertuduhan melakukan cetak rompak melalui aplikasi Telegram bagi lima filem hak milik syarikat penyiaran pada Mac tahun lalu. - Gambar NSTP/AHMAD HASBI

18 Mac 2021.

Kesalahan dibawah Seksyen 41(1)(e) Akta Hak Cipta 1987 (Akta 332) dan boleh dihukum di bawah Seksyen 4(1)(i) akta yang sama.

Jika sabit kesalahan den-da tidak kurang RM2,000 dan tidak lebih RM20,000 bagi setiap langgaran atau dipenjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-dua-

nya dan bagi apa-apa kesalahan yang berikutnya denda tidak kurang RM4,000 dan tidak lebih RM40,000 bagi setiap salinan langgaran atau dipen-

jarakan tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya.

Mengikut fakta kes, OKS dikatakan menerima bayaran daripada langganan orang awam terhadap filem

yang berkenaan menerusi aplikasi Telegram.

Dalam rayuannya, OKS menyatakan tidak tahu mengenai pelanggaran undang-undang itu dan melakukannya untuk mendapatkan pendapatan bagi menyara isteri serta tiga anak ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) selain berkali-kali mengaku menyesal atas perbuatan itu.

Pegawai Pendakwa Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dalam hujahnya memaklumkan kepada mahkamah alasan tidak mempunyai pengetahuan mengenai pelanggaran hak cipta itu tidak boleh diterima.

“Pemilik hak cipta mengeluarkan belanja besar bagi industri ini. Perbuatan OKS tidak bertanggungjawab dan menyebabkan kerugian besar kepada pemilik dan menjasakan imej industri negara ini,” katanya.

OKS yang tidak diwakili peguam kemudiannya dijatuhi hukuman denda RM10,000 dan jika gagal bayar boleh dipenjara empat bulan.

## Didenda RM10,000 jual filem ciplak

**SEREMBAN** — Tindakan seorang penganggur menjual dan berkongsi filem cetak rompak menerusi aplikasi Telegram membawa padah apabila dia dijatuhkan hukuman denda RM10,000 di Mahkamah Sesyen, di sini semalam.

Hakim Diana Md. Razali menjatuhkan hukuman itu terhadap Ahmad Fairuzaman Ahmad Boilia, 46, selaku Orang Kena Saman (OKS) selepas lelaki itu membuat pengakuan bersalah salah atas pertuduhan di bawah Akta Hak Cipta 1987.

Mengikut pertuduhan, bapa kepada orang tiga anak itu didapati dengan cara dagangan memamerkan kepada awam lima salinan langgaran karya filem melalui aplikasi Telegram 'Ahmad Faibers'.

Ia ditunjukkan dalam bentuk bergerak termasuk bunyi bagi lima filem hak milik sebuah syarikat penyiaran tatkala hak cipta wujud dan masih wujud bagi syarikat itu.

Kesalahan itu dilakukan OKS di sebuah rumah di Taman Desa Melor, di sini pada pukul 10 malam, 18 Mac 2021.

Sehubungan itu, Ahmad Fairuzaman didapati melakukan kesalahan di bawah Seksyen 41 (1)(e) Akta Hak Cipta 1987 (Akta 332) dan boleh dihukum di bawah Seksyen 4 (1)(i) akta yang sama iaitu denda tidak kurang daripada RM2,000 dan tidak lebih daripada RM20,000 bagi setiap langgaran.

Dia juga boleh dipenjara bagi



AHMAD FAIRUZAMAN (kanan) ketika dibawa ke Mahkamah Sesyen Seremban semalam untuk pertuduhan.

suatu tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan oleh Pegawai Pendakwa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Azmil Aspara yang kemudian memohon hukuman sewajarnya dikenakan terhadap tertuduh.

Menurut Azmil, perbuatan tertuduh dalam kes itu merupakan sesuatu yang tidak bertanggungjawab dan sekiranya dibiarkan, boleh menyebabkan kerugian yang besar kepada pemilik hak

cipta itu dan menjadikan industri profileman di negara ini.

Terdahulu, tertuduh yang tidak diwakili peguam merayu hukuman ringan dengan alasan dia menyesal selain tiada pengetahuan terhadap kesalahan yang dilakukannya.

Mahkamah kemudiannya menjatuhkan hukuman denda RM10,000 terhadapnya dan memerintahkan hukuman penjara empat bulan sekiranya gagal membayar denda itu.

Difahamkan, Ahmad Fairuzaman menjelaskan bayaran denda tersebut.

Taktik pemandu lori cuba 'curi' 2,500 liter bahan bakar bersubsidi terbongkar

## Ambil upah RM200 seleleweng diesel



MOGAN menunjukkan sebuah tangki yang diubah suai semasa serbuan di sebuah stesen minyak di Seberang Perai kelmarin.

Oleh SITI NUR MAS ERAH AMRAN

**SEBERANG PERAI** – Tindakan mencurigakan seorang lelaki ketika mengisi diesel ke dalam lori dipandunya membawa padah apabila dia ditahan di sebuah stesen minyak di Permatang Pauh, di sini kelmarin.

Ketua Pegawai Penguatan Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pulau Pinang A. Mogan berkata, suspek berusia 40-an itu ditahan kira-kira pukul 6.45 petang selepas dikesan mengubah suai tangki minyak berkapasiti 20,000 liter di atas lori terbabit.

Menurutnya, hasil pemeriksaan lanjut mendapati minyak yang diisi dalam tangki asal akan dipam masuk ke dalam tangki tambahan menerusi motor pam.

"Dianggarkan sebanyak 1,810 liter minyak diesel bernilai RM3,892 telah diisi ketika serbuan dijalankan.

"Siasatan awal mendapati, lelaki terbabit perlu mengisi 2,500 liter diesel menggunakan RM5,000 yang diberi majikanya dan perlu menghantar bekalan diesel itu ke sebuah stor di Sungai Dua sebelum menerima upah sebanyak RM200.

"Memandangkan kementerian menetapkan pembelian hanya sebanyak 250 liter diesel sehari, lelaki itu akan mengisi diesel di sepuluh stesen minyak berdekatan dalam lingkungan jarak lima kilometer dan ini adalah stesen keempatnya," katanya ketika ditemui di sini kelmarin.

Mengulas lanjut, beliau

berkata, pihaknya telah menyita minyak diesel, lori dan tangki minyak yang telah diubah suai menjadikan nilai sitaan keseluruhan bernilai RM69,192.70.

"Lelaki yang bekerja sebagai pemandu lori turut mengaku ini adalah kali pertama dia melakukan kerja sampingan terbabit.

"Terdapat juga individu lain yang turut menjalankan kegiatan ini dan permintaan akan dijalankan siang dan malam bagi memberantas aktiviti penyelewengan minyak diesel ini.

"Terima kasih kepada orang awam yang sentiasa peka dan menyalurkan aduan dalam usaha membantu pihak kami memerangi kegiatan ini," katanya selain menambah kesakan disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.

## Diupah RM200 untuk isi diesel



Lori membawa tangki yang telah diubah suai untuk menyedut minyak diesel dari stesen minyak di sekitar Seberang Perai.

**BUTTERWORTH** - Seorang pemandu lori diberkas selepas dipercaya terlibat dengan sindiket penyelewengan minyak diesel dalam serbuan yang dilakukan di sebuah stesen minyak di Jalan Permatang Pauh di sini pada petang Selasa.

Ketua Penguatan Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pulau Pinang, A Mogan berkata, lelaki berusia 40-an itu ditangkap ketika sedang mengisi minyak diesel pada lori membawa muatan tangki yang telah diubah suai kira-kira jam 6.45 petang.

Menurutnya, hasil risikan mendapati lelaki terbabit telah berhenti di empat stesen minyak di sekitar Seberang Perai untuk mengisi minyak diesel ke dalam tangki besar berkapasiti 20,000 liter (l) pada lori, lengkap dengan pam bermotor untuk menyedut.

"Permandu lori itu mengakui yang dia baru sahaja bekerja dengan sindiket terbabit dengan menerima upah RM200 untuk mengisi minyak diesel di 10 buah stesen minyak di negeri ini,"

"Ketika pemeriksaan, terdapat 1,810 liter minyak diesel bernilai RM3,892 yang telah diisi dari tiga stesen minyak sebelum itu dan sebahagianya di stesen minyak keempat," katanya ketika ditemui di lokasi serbuan di sini pada malam Selasa.

Mogan berkata, sindiket itu terpaksa 'menjelajah' ke beberapa stesen minyak berikutkan kerajaan mengehadkan pembelian minyak diesel sebanyak RM500 bagi setiap pengisian.

Katanya, selain menahan suspek, KPDNHEP turut menyita 1,810 liter minyak diesel bersama lori dan tangki yang diubah suai dengan anggaran nilai RM69,192.70.


Beliau berkata, siasatan lanjut masih dijalankan mengikut Akta Kawalan-Bekalan 1961 yang memperuntukkan hukuman penalti sehingga RM1-juta atau penjara selama tiga tahun atau kedua-duanya sekali bagi kesalahan pertama.

Bagi pertubuhan atau perbadanan, mereka boleh dikenakan denda tidak melebihi RM2 juta bagi kesalahan pertama dan RM5 juta bagi kesalahan kedua dan seterusnya.

# Kosmo!

SUARA KONTEMPORARI

HARI : **KHAMIS**  
TARIKH : **8/09/2022**  
M/SURAT : **16**



Senarai Harga Barang Keperluan

• Ayam <b>RM8.39</b>	• Telur Gred A. <b>RM13.05</b>	• Gula Pasir <b>RM2.85</b>	• Cili Merah <b>RM12.99</b>
• Daging Lembu Tempatan <b>RM38</b>	• Ikan Kernbung <b>RM13.90</b>	• Bawang Besar Holland <b>RM2.09</b>	• Kubis Bulat Tempatan <b>RM3.20</b>
• Daging Lembu Import <b>RM53.90</b>	• Minyak Masak <b>RM6.70</b>	• Bawang Putih <b>RM5</b>	• Tepung Gandum <b>RM2.60</b>

\*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP

HARI : KHAMIS  
TARIKH : 8/09/2022  
M/SURAT : 1



BERITA ONLINE BERTARIKH 8 SEPTEMBER 2022			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
8-Sep	Penganggur didenda RM10,000 pamer 5 filem cetak rompak	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2022/09/07/penganggur-didenda-rm10000-pamer-5-filem-cetak-rompak/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2022/09/07/penganggur-didenda-rm10000-pamer-5-filem-cetak-rompak/</a>	FMT
8-Sep	Penganggur didenda RM10,000 pamer lima filem cetak rompak	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/penganggur-didenda-rm10-000-pamer-lima-filem-cetak-rompak-379827%3famp=1">https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/penganggur-didenda-rm10-000-pamer-lima-filem-cetak-rompak-379827%3famp=1</a>	ASTROAWANI
8-Sep	PERKENAL AKTA LINDUNGI PEMBELI KENDERaan BAHARU TERPAKAI	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/rencana/minda-pembaca/2022/09/997384/perkenal-akta-lindungi-pembeli-kenderaan-baharu-terpakai">https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/rencana/minda-pembaca/2022/09/997384/perkenal-akta-lindungi-pembeli-kenderaan-baharu-terpakai</a>	BH
8-Sep	KPDNHEP   Upah RM200 Untuk Beli Diesel Subsidi Sebelum Diseludup	<a href="https://youtu.be/w-76X-MCofE">https://youtu.be/w-76X-MCofE</a>	BULETINTV3
8-Sep	Sindiket upah pekerja seleweng pembelian diesel bersubsidi	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/sindiket-upah-pekerja-seleweng-pembelian-diesel-bersubsidi-379783%3famp=1">https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/sindiket-upah-pekerja-seleweng-pembelian-diesel-bersubsidi-379783%3famp=1</a>	ASTROAWANI
8-Sep	Diupah RM200 untuk seleweng diesel bernilai RM5,000	<a href="https://www.google.com/amp/s/malaysiagazette.com/2022/09/07/diupah-rm200-untuk-seleweng-diesel-bernilai-rm5000/%3famp">https://www.google.com/amp/s/malaysiagazette.com/2022/09/07/diupah-rm200-untuk-seleweng-diesel-bernilai-rm5000/%3famp</a>	MALAYSIGAZETTE
8-Sep	SAYA TIDAK TAHU SAYA MENYESAL	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/09/879462/saya-tidak-tahu-saya-menyesal-metrotv">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/09/879462/saya-tidak-tahu-saya-menyesal-metrotv</a>	HM
8-Sep	OPTIMIS KUTIPAN CUKAI-LANGSUNG-LEBIH-RM139 OPTIMIS TAHUN INI	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/09/879477/optimis-kutipan-cukai-langsung-lebih-rm139-bilion-tahun-ini">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/09/879477/optimis-kutipan-cukai-langsung-lebih-rm139-bilion-tahun-ini</a>	HM

8-Sep	LHDN yakin capai sasaran cukai langsung lebih RM139.3 bilion	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/220215">https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/220215</a>	SH
8-Sep	Pemandu lori terima upah RM200 seleweng minyak subsidi	<a href="https://www.kosmo.com.my/2022/09/07/pemandu-lori-terima-upah-rm200-seleweng-minyak-subsidi/">https://www.kosmo.com.my/2022/09/07/pemandu-lori-terima-upah-rm200-seleweng-minyak-subsidi/</a>	KOSMO
8-Sep	Sindiket seleweng diesel tumpas - KPDNHEP	<a href="https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/46521-sindiket-seleweng-diesel-tumpas-kpdnhep">https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/46521-sindiket-seleweng-diesel-tumpas-kpdnhep</a>	BERITARTM
8-Sep	Lelaki tidak sempat nikmati upah RM200 seleweng minyak diesel	<a href="https://tvstv.my/2022/09/07/lelaki-tidak-sempat-nikmati-upah-rm200-seleweng-minyak-diesel/">https://tvstv.my/2022/09/07/lelaki-tidak-sempat-nikmati-upah-rm200-seleweng-minyak-diesel/</a>	TVSTV
8-Sep	Cubaan seludup diesel tanpa permit berjumlah RM80,000 digagalkan	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2022/09/cubaan-seludup-diesel-tanpa-permit-berjumlah-rm80000-digagalkan/">https://www.utusan.com.my/nasional/2022/09/cubaan-seludup-diesel-tanpa-permit-berjumlah-rm80000-digagalkan/</a>	UM
8-Sep	Polis Marin gagalkan cubaan seludup minyak diesel bersubsidi	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2022/09/06/polis-marin-gagalkan-cubaan-seludup-minyak-diesel-bersubsidi">https://www.utusanborneo.com.my/2022/09/06/polis-marin-gagalkan-cubaan-seludup-minyak-diesel-bersubsidi</a>	UTUSANBORNEO
8-Sep	TIDAK BERLAKU KEKURANGAN BEKALAN SAYUR	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/09/879587/tidak-berlaku-kekurangan-bekalan-sayur">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/09/879587/tidak-berlaku-kekurangan-bekalan-sayur</a>	HM
8-Sep	Kekurangan sayur hanya 10 peratus, berada pada pusingan normal	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2022/09/997542/kekurangan-sayur-hanya-10-peratus-berada-pada-pusingan-normal">https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2022/09/997542/kekurangan-sayur-hanya-10-peratus-berada-pada-pusingan-normal</a>	BH

8-Sep	KPDNHEP tahan lima lelaki terlibat kegiatan seludup diesel	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdnhep-tahan-lima-lelaki-terlibat-kegiatan-seludup-diesel-379887%3famp=1">https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdnhep-tahan-lima-lelaki-terlibat-kegiatan-seludup-diesel-379887%3famp=1</a>	ASTROAWANI
8-Sep	KPDNHEP tahan lima lelaki terlibat kegiatan seludup diesel	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2118426">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2118426</a>	BERNAMA
8-Sep	KPDNHEP DETAINS FIVE MEN FOR ALLEGED DIESEL SMUGGLING	<a href="https://www.bernama.com/en/crime_courts/news.php?id=2118458">https://www.bernama.com/en/crime_courts/news.php?id=2118458</a>	BERNAMA
8-Sep	KPDNHEP detains five men for alleged diesel smuggling	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinardaily.my/ampArticle/179652">https://www.google.com/amp/s/www.sinardaily.my/ampArticle/179652</a>	SINARDAILY
8-Sep	KPDNHEP Taiping tahan lelaki seleweng 2,000 liter minyak diesel	<a href="https://www.kosmo.com.my/2022/09/07/kpdnhep-taiping-tahan-lelaki-seleweng-2000-liter-minyak-diesel/">https://www.kosmo.com.my/2022/09/07/kpdnhep-taiping-tahan-lelaki-seleweng-2000-liter-minyak-diesel/</a>	KOSMO
8-Sep	Cubaan pemandu lori seleweng 2,000 liter diesel gagal	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/220255">https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/220255</a>	SH
8-Sep	KPDNHEP detains five men for alleged diesel smuggling	<a href="https://www.thesundaily.my/local/kpdnhep-detains-five-men-for-alleged-diesel-smuggling-KE9789639">https://www.thesundaily.my/local/kpdnhep-detains-five-men-for-alleged-diesel-smuggling-KE9789639</a>	THESUNDAILY
8-Sep	INTIPAN SAHKAN KEGIATAN PENYELEWENGAN DIESEL	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/09/879598/intipan-sahkan-kegiatan-penyelewengan-diesel">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/09/879598/intipan-sahkan-kegiatan-penyelewengan-diesel</a>	HM

8-Sep	KPDNHEP tahan 5 lelaki terlibat kegiatan seludup diesel	<a href="https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/400127">https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/400127</a>	THEMALAYSIANINSIGHT
8-Sep	Cubaan pindah diesel ke tongkang gagal, 5 ditahan KPDNHEP	<a href="https://www.kosmo.com.my/2022/09/07/cubaan-pindah-diesel-ke-tongkang-gagal-5-ditahan-kpdnhep/">https://www.kosmo.com.my/2022/09/07/cubaan-pindah-diesel-ke-tongkang-gagal-5-ditahan-kpdnhep/</a>	KOSMO
8-Sep	Kapal tongkang dirampas disyaki jual diesel bersubsidi secara tidak sah	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/09/879616/kapal-tongkang-dirampas-disyaki-jual-diesel-bersubsidi-sekara-tidak-sah">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/09/879616/kapal-tongkang-dirampas-disyaki-jual-diesel-bersubsidi-sekara-tidak-sah</a>	HM
8-Sep	'Ahmad Faibers' gets RM10k fine for film piracy [NSTTV]	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/crime-courts/2022/09/829259/ahmad-faibers-gets-rm10k-fine-film-piracy-nsttv">https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/crime-courts/2022/09/829259/ahmad-faibers-gets-rm10k-fine-film-piracy-nsttv</a>	NST